


MESKIPUN berdepan dengan isu pertambahan siswazah menganggur, namun pengeluaran graduan tidak boleh dihentikan kerana boleh memberi kesan jangka panjang kepada sektor pembangunan ekonomi dan sumber tenaga negara. - Gambar hiasan



Oleh Ruhaiza Rusmin
ruhaizarusmin@
mediaprima.com.my

Antara yang paling dikhuatiri dan sering menjadi persoalan siswa terutama mereka yang berada di tahun akhir pengajian ialah 'adakah aku mampu memperoleh pekerjaan selepas bergraduasi?'

Lambakan siswazah yang semakin meningkat saban tahun di tengah-tengah per-

saingan sengit industri pekerjaan menyebabkan ramai siswa kluatir bergelar penganggur terhormat.

Selain faktor lemahnya penguasaan siswa dalam aspek kemahiran insaniah, pemilihan program yang masih baru dan belum mempunyai tapak kukuh pekerjaan dalam industri turut menjadi antara punca siswazah menganggur.

Biarpun program baru berkenaan dikatakan penting untuk menampung pembangunan jangka panjang negara, jumlah siswa yang semakin bertambah dan peluang pekerjaan yang

Cari alternatif BANTU SISWA

Pelajar perlu dapatkan maklumat lengkap supaya tidak timbul masalah ketika pembelajaran mahupun mencari pekerjaan



SISWAZAH yang sudah menamatkan pengajian perlu bersiap sedia berdepan dengan cabaran dunia pekerjaan. - gambar hiasan.



DAPATKAN maklumat lengkap mengenai program baru supaya tidak timbul masalah kemudian hari sama ada dalam proses pembelajaran mahupun ketika mencari pekerjaan. - Gambar hiasan

masih belum meluas menimbulkan konflik.

Justeru, apakah yang boleh dilakukan bagi menangani kemelut ini?

Apakah kepentingan program baru yang diperkenalkan ini mampu melonjakkan lagi pencapaian siswa untuk mengisi kekosongan bidang kritikal negara untuk jangka masa panjang?

Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Profesor Datuk Dr Mustafa Mohd Hanefah berkata, pelajar yang mahu melanjutkan pengajian di institusi pengajian tinggi perlu meneliti dan memahami lebih mendalam program diikuti sebelum membuat pemilihan.

Beliau berkata, cara itu penting bagi mengelak siswa tersilap pilih dan menimbulkan konflik bukan saja sewaktu pengajian, malah apabila mencari pekerjaan.

"Rentetan daripada dasar ekonomi yang menjadi semakin global, banyak program baru diwujudkan bagi mempelbagaikan sumber tenaga manusia dalam bidang kerjaya tertentu.

"Pengenalan program baru adalah sesuatu yang biasa dilakukan di institusi

luar negara, namun di negara ini ia tidak mudah kerana memerlukan proses yang panjang serta syarat ketat.

"Namun, pengeluaran graduan tidak boleh dihentikan menjadikan isu siswazah menganggur tidak berkesudahan yang menyaksikan peningkatan berlaku saban tahun," katanya.

Beliau berkata, pengenalan program baru terutama dalam program kritikal membabitkan sains dan teknologi tidak boleh dilihat penyumbang utama dalam isu pengangguran siswazah.

"Ada melemparkan tuduhan kerana program baru inilah ramai siswazah menganggur kerana siswazah bidang turut 'mencuri' peluang pekerjaan orang lain.

"Dalam dunia kompetitif hari ini, semua orang mahu merebut peluang disediakan, tetapi faktor lain seperti kelemahan berkomunikasi dan kemahiran diri juga perlu diambil kira," katanya.

Mengikut statistik pada 2013, seramai 210,000 penganggur mencari peluang pekerjaan dengan 56 peratus daripadanya adalah siswazah.

Manakala faktor utama menyumbang ke arah isu berkenaan ialah kurang-

nya kompetensi siswazah untuk mengikut kemahuan majikan terutama kemahiran berbahasa Inggeris dan komunikasi.

Beliau tidak menafikan, program baru di negara ini belum mampu menawarkan peluang pekerjaan luas kepada siswazah.

Menurutnya, industri pekerjaan di negara ini yang masih belum diteroka sepenuhnya adalah antara faktor mengapa peluang pekerjaan untuk program baru agak terbatas.

"Negara kita bukanlah pemegang ekonomi dunia seperti negara luar yang lebih besar, justeru pengenalan pelbagai prospek ekonomi masih belum diteroka sepenuhnya.

"Peluang pekerjaan juga masih menumpukan kepada bidang sedia ada selain penawaran pekerjaan saban tahun yang hanya berskala sederhana.

"Ini juga salah satu faktor mengapa siswazah program baru terpaksa berhempas pulas mencari peluang pekerjaan yang terhad seperti siswazah program lain," katanya.

Ada pihak menyalahkan institusi kerana menawarkan program baru



PROGRAM baru masih mampu menawarkan pekerjaan cuma agak terbatas dan memerlukan syarat tertentu seperti pemilihan jantina contohnya. - Gambar hiasan

biarpun sudah tahu senario yang berlaku.

"Ada pihak beranggapan institusi seperti tidak mengendahkan isu ini, namun perlu diketahui, tanggungjawab institusi adalah memberi ilmu kepada generasi sedia ada agar dapat diteruskan kesinambungannya pada masa depan.

"Pengenalan program baru terutama jika membabitkan penyelidikan dan inovasi juga adalah caba-

ran kepada institusi bagi memastikan kelangsungan proses ilmu serta ketidaktetapan tenaga kerja dalam industri yang akan dibangunkan untuk jangka panjang," katanya yang tidak menyangkal memang sukar untuk program baru bertapak pada peringkat permulaan.

"Proses ini sama saja seperti program sedia ada yang suatu ketika dulu melalui proses yang sama.

"Setiap peringkat pembangunan dan kejayaan sesuatu program perlu melalui fasa-fasa tertentu sebelum boleh menjadi kukuh.

"Justeru, tidak perlu meletakkan kesalahan pada pengenalan program baru sebaliknya mencari alternatif membantu siswa seperti memperkenalkan pelbagai modul pengajian berbentuk akademik atau pengukuhan kemahiran insaniah," katanya.



ADA pihak menyalahkan institusi kerana menawarkan program baru yang diketahui belum mampu memberi peluang pekerjaan, namun persepsi berkenaan perlu diperbetulkan kerana ia penting bagi menampung keperluan jangka panjang negara. - Gambar hiasan



JANGAN salahkan siswazah yang mengikuti program baru sebagai punca siswazah program sedia ada sukar memperoleh pekerjaan sebaliknya perlu melihat faktor kelemahan diri sendiri sebagai penyumbang. - Gambar hiasan

Universiti bukan penentu masa depan



mahasiswa.

Bagaimanapun, mereka yang gagal tidak bermakna masa depan sudah gelap kerana masih ada peluang lain boleh diterokai. Ramai beranggapan kemasukan institusi pengajian tinggi awam (IPTA) adalah ukuran kejayaan seseorang.

Diterima masuk ke universiti pasti mempunyai masa depan yang cerah. Bagaimanapun, senario hari ini sudah berubah. Bakal

graduan juga graduan berdepan cabaran yang hebat untuk mencari pekerjaan.

Sejarah sudah membuktikan bahawa ketiadaan sekeping sijil dari universiti tidak bermakna seseorang tidak boleh berjaya. Contohnya Tan Sri Syed Mokhtar Albukhary, 63, seorang usahawan kelapan yang terkaya di Malaysia dengan nilai kekayaan sebanyak AS\$2.9 bilion (RM10.44 bilion), berdasarkan maklu-

mat dikumpul majalah perniagaan, Forbes.

Mentaliti masyarakat kita perlu diubah kerana selama ini masyarakat kita selalu disogokkan dengan tanggapan jika belajar di universiti hidup akan lebih terjamin dan mempunyai peluang pekerjaan baik. Tapi hakikat ramai yang masih menganggur selepas menamatkan pengajian.

Bagi mereka yang tidak berpeluang masuk ke uni-

versiti janganlah rasa putus asa dan sedih kerana tidak layak. Masih ada banyak peluang untuk mencorakkan masa depan. Buanglah sifat berputus asa dan jangan hiraukan mentaliti segelintir masyarakat kita yang sering memandang serong terhadap mereka yang tidak menyambung pelajaran.

Buktikan pada masyarakat kita bahawa seorang yang tidak berkelulusan

tinggi mampu berjaya seperti orang lain.

Gunakan kemahiran dan keistimewaan yang ada pada diri untuk meluas dan merebut peluang yang ada di depan mata.

Segulung ijazah hari ini sudah tidak mampu menjamin graduan untuk mendapat pekerjaan sebaliknya memerlukan pelbagai kemahiran bagi menjadi penyumbang hayat masa depan.

Oleh Siti Aisyah Mohd Yunus

Minggu ini, mereka yang berjaya memperoleh keputusan cemerlang dalam peperiksaan utama sudah mula menjejakkan kaki di menara gading. Namun, ada yang tidak bernasib gagal bergelar